



## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

### **KENYATAAN MEDIA**

## **PELAKSANAAN PENGANJURAN PERTANDINGAN DAN ACARA SUKAN BERMOTOR DI MALAYSIA**

- 
1. Sukan permotoran adalah sukan yang mempunyai ramai peminat dan sering mendapat perhatian rakyat Malaysia khususnya golongan belia. Sehingga ke hari ini terdapat 22 litar sukan bermotor di seluruh negara yang dikendalikan oleh pelbagai pihak. Daripada jumlah itu, hanya tiga (3) litar yang diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan manakala bakinya diurus oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan NGO.
  2. Pada 13 Januari 2023, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan Mesyuarat Berkaitan Pelaksanaan Pertandingan dan Acara Sukan Bermotor di Malaysia yang turut dihadiri oleh PDRM, Wakil Kerajaan Negeri Perak, Wakil Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM) dan CILIK Motorsports selaku Operator Litar Dato' Sagor, Perak. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan bersetuju berkenaan penganjuran acara sukan bermotor perlu memberi keutamaan kepada aspek keselamatan tanpa menjejaskan potensi dan pembangunan sukan bermotor di Malaysia.

3. Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM) selaku badan NGO yang diiktiraf oleh *Federation Internationale de l'Automobile* (FIA) dan *Fédération Internationale de Motocyclisme* (FIM) akan menyenaraikan litar-litar lumba di Malaysia yang telah diaudit serta disahkan selamat untuk digunakan bagi tujuan penganjuran acara sukan bermotor di Malaysia.
  
4. Selaras dengan Seksyen 36 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] yang memperuntukkan syarikat hendaklah memohon lesen untuk beroperasi daripada Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia dalam tempoh 30 hari (acara tempatan) dan 90 hari (acara antarabangsa) sebelum tarikh penganjuran program. Bagi memastikan aspek keselamatan terjaga, KBS akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memastikan penganjur mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dan tindakan perundangan boleh dikenakan sekiranya gagal mematuhi atau berlaku cuai sebelum, semasa dan selepas penganjuran.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**27 JANUARI 2023**

## **A. LITAR LUMBA YANG MENDAPAT PENYELIAN PENGAJURAN PERLUMBAAN TAHUNAN**

1. Ketua Pegawai Eksekutif  
Sepang International Circuit  
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.  
Jalan Pekeliling, 64000 Klia, Selangor  
Darul Ehsan, Malaysia.
2. Ketua Pegawai Eksekutif  
Sepang Kart Circuit Circuit  
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.  
Jalan Pekeliling, 64000 Klia,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
3. Pengurus  
Morac Adventure Track (Kart Circuit)  
Lot 67, Pantai Cenang, Mukim,  
7000 kawi, Kedah
4. Pengurus  
City Karting Shah Alam Kart Circuit  
Go Kart Circuit, Stadium Car Park, Western 5,  
Seksyen 13, 40000 Shah Alam, Selangor

## **B. LITAR LUMBA YANG MENDAPAT KELULUSAN PERLUMBAAN MELALUI ACARA**

1. Pengurus  
Speedway Plus Circuit  
Elite Plus Highway, Usj Subang Jaya, Selangor,  
46000 Subang Jaya
2. Pengurus  
Litar Lumba Rakyat Kuala Selangor  
Kompleks Sukan Majlis Daerah Kuala Selangor,  
Jalan Stadium, 45000 Kuala Selangor, Selangor
3. Pengurus  
Tangkak Racing Track  
Jln Industri B3, Kampung Gerisek,  
84700 Gerisek, Johor
4. Pengurus  
Melaka International Motorsport Circuit MIMC  
75450 Durian Tunggal, Melaka
5. Pengurus  
UNIMAP Racing Circuit  
Changlun - Kuala Perlis Highway,  
02600 Arau, Perlis
6. Pengurus Litar Go-Kart UUM  
Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia, 06010  
Sintok, Kedah Darul Aman.

7. Pengurus  
Litar Permotoran Terengganu Gong Badak  
Kompleks Sukan, Jalan Lapangan Terbang,  
Kampung Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu
8. Pengurus  
Miri Track PermyJaya  
98000 Miri, Sarawak
9. Pengurus  
APDCREW Circuit MAEPS  
Gate 2, Car Park Seri  
Kembangan, Selangor.
10. Pengurus  
Alyezo SpeedZone  
Lot PT 16858, 40150 Shah Alam, Selangor
11. Pengurus  
Litar Drag Jempol  
Lot 40417, mukim, 72120, Negeri Sembilan